

27/04/2000

UUM hasilkan komputer peribadi

ALOR STAR, Rabu - Universiti Utara Malaysia (UUM) muncul institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan pertama menghasilkan komputer peribadi pemasangan sendiri.

Jenama komputer itu akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di kampus universiti berkenaan esok.

Ketua Penolong Pendaftar (Perhubungan Awam) UUM, Mohd Zaini Nasri, berkata setakat ini universiti berkenaan berjaya memasang sendiri 1,200 unit komputer untuk pelbagai kegunaan.

Katanya, pemasangan yang dimulakan pada Jun 1999 itu berjaya menjimatkan kos pembelian komputer sebanyak RM800,000.

"Ia bukan komputer klon, sebaliknya komputer yang kita pasang sendiri dengan jenama sendiri. Kita sedang dalam proses mendapatkan hak cipta," katanya hari ini.

Mohd Zaini juga berkata, berikutan usaha itu, hasrat UUM membekalkan satu komputer untuk setiap pensyarah hampir tercapai.

UUM juga sedang berusaha menyediakan komputer kepada pelajar dengan nisbah satu untuk 10 pelajar. Pada masa ini nisbah yang dicapai ialah 1:18 berikutan sumber kewangan terhad.

Beliau berkata, antara lain, tujuan UUM menghasil komputer peribadi adalah untuk membina kemahiran dan menerokai bidang teknologi perkakasan dan menyokong kegiatan kajian dan pembangunan.

Ia juga bertujuan memperkenalkan konsep 'membuat sendiri' atau Do It Yourself (DIY), menyumbang usaha penghasilan produk teknologi maklumat, mengurangkan kos dan menjana pendapatan universiti.

Mohd Zaini juga berkata, berikutan usaha itu UUM bakal membuka peluang lebih besar kepada pendokong Koridor Raya Multimedia (MSC) supaya lebih berkeyakinan untuk melonjak pada masa depan.

Pada masa ini UUM menubuhkan pusat kecermelangan bidang teknologi maklumat, iaitu Institut Inovasi dan Pembangunan Perisian. UUM juga sedang dalam peringkat perundingan menubuhkan empat pusat kecemerlangan lain.

Ia adalah pusat teknologi strategik, simulasi nasional, keselamatan Internet dan latihan pekerja berpengetahuan.

(END)